

ISU DAN TINDAKAN BERKAITAN WUJUD/KEMAS KINI KOD PEMBEKAL DI PORTAL iGFMAS

PROSES WUJUD KOD PEMBEKAL

ISU BERBANGKIT

Personel MySTEP yang telah wujud di eVendor (kod pembekal 60 siri) **sebelum 11 Mac 2021 dan belum didaftarkan semula di Portal iGFMAS** (kod pembekal PANS - 14 siri) dan terpapar mesej ralat "Pembekal telah wujud" semasa proses pendaftaran kod pembekal PANS.

TINDAKAN

Pusat Tanggungjawab (PTJ) **dibenarkan** untuk menggunakan kod pembekal 60 siri untuk bayaran gaji personel MySTEP.

ISU BERBANGKIT

Personel MySTEP yang **telah berjaya wujud** dengan kod pembekal PANS – 14 siri.

TINDAKAN

PTJ hendaklah **meneruskan pembayaran** menggunakan kod pembekal tersebut.

ISU BERBANGKIT

Pendaftaran bagi pembekal PANS/NOTE di Portal iGFMAS dan/atau personel MySTEP yang **baharu dilantik selepas 11 Mac 2021 tetapi tidak berjaya diwujudkan** melalui Portal iGFMAS dengan mesej ralat "Kod Pembekal Telah Wujud"

TINDAKAN

PTJ **wujudkan kod pembekal** PANS/NOTE melalui Portal iGFMAS.

ISU BERBANGKIT

Pendaftaran bagi pembekal PANS/NOTE di portal iGFMAS dan/atau personel MySTEP yang **baharu dilantik selepas 11 Mac 2021 tetapi tidak berjaya diwujudkan** melalui Portal iGFMAS dengan mesej ralat "Kod Pembekal Telah Wujud"

TINDAKAN

Pejabat Perakaunan (PP) perlu wujudkan kod pembekal PANS (14 siri)/NOTE (40 siri) **melalui T-code FK01 di SAPGUI**. Permohonan capaian sementara T-code tersebut perlu dibuat melalui **SOLMAN** kepada Unit Authorization, BPTM. Akses akan diberi secara bertempoh. Sila maklumkan kepada Unit Authorization, BPTM selepas proses pewujudan selesai dibuat. Pihak PP perlu pastikan **check box di tanda (✓) di medan individual payment** semasa penyediaan pembekal PANS/NOTE di SAPGUI.

PROSES KEMAS KINI KOD PEMBEKAL

ISU BERBANGKIT

Terdapat keperluan pengemaskinian maklumat pembekal bagi medan Nama dan Nombor Pendaftaran tetapi tidak dapat dilakukan di Portal iGFMAS. PTJ perlu **mengemukakan SOLMAN** bagi **pembetulan ke atas maklumat nama dan No. Kad Pengenalan pembekal**.

TINDAKAN

PP perlu **mendapatkan capaian sementara** bagi T-code FK02 **melalui SOLMAN** kepada Unit Authorization, BPTM. Akses akan diberi secara bertempoh. Sila maklumkan kepada Unit Authorization, BPTM selepas proses kemas kini selesai dibuat.

PTJ

PTJ

PP & PTJ

PP

PP

Tindakan yang diberikan ini adalah terpakai sehingga tindakan pemberian program wujud/kemas kini maklumat pembekal di Portal iGFMAS selesai dilakukan oleh BPTM sekitar awal Julai 2021 atau jika lebih awal akan dimaklumkan.